

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	16 APRIL 2016

Dr M kena bertanggungjawab kesan fitnah Najib

BH-16/4/2016

Kuala Lumpur: Tun Dr Mahathir Mohamad perlu bertanggungjawab terhadap kerosakan reputasi Malaysia apabila membuat tuduhan liar berhubung derma daripada Kerajaan Arab Saudi kepada Datuk Seri Najib Razak.

Setiausaha Akhbar Perdana Menteri, Datuk Seri Tengku Shariffuddin Tengku Ahmad, berkata tuduhan terhadap Perdana Menteri itu jelas tidak benar apabila Menteri Luar Arab Saudi, Adel Al-Jubeir sendiri mengakui sumbangan itu adalah derma yang diberikan tanpa sebarang balasan.

Katanya, pembohongan Dr Mahathir didorong agenda peribadi, bukan untuk menjaga kepentingan rakyat dan negara ini.

“Ia adalah usaha menggunakan penipuan untuk menjatuhkan kerajaan yang dipilih secara demokrasi, hanya demi menyelamatkan karier politik anak beliau, Datuk Seri Mukhriz Mahathir,” katanya dalam satu kenyataan yang

dikeluarkan di sini, semalam.

Menteri Luar Arab Saudi itu yang ditemui wartawan Malaysia di Turki, kelmarin mengaku sumbangan derma kepada Najib memang daripada negara itu.

Tak harapkan balasan

“Kami sedar tentang derma itu dan ia memang benar-benar sumbangan tanpa mengharapkan apa-apa balasan. Kami juga sedar bahawa Peguam Negara Malaysia sudah menjalankan siasatan teliti mengenai perkara itu dan mendapati tiada salah laku. Setahu kami, isu itu ditutup,” katanya.

Tengku Shariffuddin juga meminta media Barat yang membenarkan diri mereka digunakan Dr Mahathir dan Kumpulan anti-Najib untuk menyebarkan dakwaan palsu bermotifkan politik itu juga harus meminta maaf kepada rakyat Malaysia.

Sementara itu, Ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO, Datuk Seri

Azalina Othman Said, berkata kenyataan Menteri Luar Arab Saudi itu membuktikan apa yang dicanang pembangkang dan kumpulan Deklarasi Rakyat adalah tidak benar.

Beliau berkata, pendedahan Australian Broadcasting Corporation (ABC) mengenai surat daripada keluarga Diraja Arab Saudi yang menyatakan derma diberikan sebagai hadiah kepada Perdana Menteri kerana mempromosikan Islam serta memerangi keganasan jelas menunjukkan laporan berat sebelah dibuat *The Wall Street Journal* (WSJ) yang tidak henti-henti menyerang kepimpinan negara.

Azalina yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri, berkata sebelum ini ramai mempertikaikan kenyataan Peguam Negara bahawa wang derma itu bukan daripada 1MDB, sebaliknya datang daripada Arab Saudi.

“Terbaharu Jawatankuasa Kira-

Kira Wang Negara (PAC) turut membuktikan yang Perdana Menteri tidak terbabit dalam apa-apa salah laku dalam urusan syarikat 1MDB.

Tuduhan palsu

“Jadi siapa yang berbohong selama ini? Saya percaya rakyat semakin jelas mengenai isu ini dan tidak mudah terpedaya dengan tuduhan palsu dibuat kumpulan Deklarasi Rakyat untuk menjatuhkan Perdana Menteri,” katanya.

Seorang lagi Ahli MT UMNO, Datuk Irmohizam Ibrahim, berkata Dr Mahathir dan pembangkang perlu berhenti memfitnah Perdana Menteri kerana jelas dakwaan mereka tidak benar.

Katanya, banyak bukti sudah didedahkan dan semuanya jelas menunjukkan dana RM2.6 bilion adalah sumbangan derma daripada Kerajaan Arab Saudi dan tiada kaitan dengan 1MDB.

“**Pembohongan Dr Mahathir didorong agenda peribadi, bukan untuk menjaga kepentingan rakyat dan negara ini. Ia adalah usaha guna penipuan untuk menjatuhkan kerajaan yang dipilih secara demokrasi, hanya demi menyelamatkan karier politik anak beliau**”

Tengku Shariffuddin Tengku Ahmad,
Setiausaha Akhbar
Perdana Menteri